

# UMS lakar sejarah sertai EAUC

UM 23.10.2014 26

**KOTA KINABALU 22 Okt.** - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakar sejarah apabila menjadi universiti pertama di Asia yang menyertai Ahli Persatuan Alam Sekitar untuk Universiti dan Kolej (EAUC) bagi sektor pendidikan tinggi di United Kingdom (UK).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pusat Pengurusan EkoKampus UMS, melalui penyertaan pada EAUC, UMS merupakan antara universiti di dunia yang menyertai rangkaian lebih 220 institusi dan 35,000 individu dalam usaha memacu kelestarian masing-masing.

Kata kenyataan itu, keputusan untuk menyertai EAUC dibuat adalah sebahagian daripada komitmen UMS terhadap kelestarian.

"Ini akan membantu menggalakkan kepada perubahan ekonomi, sosial dan alam sekitar pada universiti."

"Malah dengan penyertaan ini setiap kakitangan dan semua mahasiswa dapat melibatkan diri selain menikmati faedah," katanya di sini baru-baru ini.

Tambah kenyataan itu, antara faedah yang disediakan adalah akses kepada bank sumber EAUC, dokumen polisi; panduan serta peralatan.

Katanya, dalam keadaan hari ini, penting bagi semua kakitangan untuk mempertimbangkan kelestarian dalam kerja-kerja yang dilakukan selain membuat simpanan kewangan dan penjagaan alam sekitar.